

NEWSCLIPPINGS

Publication:	Bernama	Section:	News
Date:	21 December 2011	Page:	5
Headline:	Emery Oleochemicals Expects Good Industry Growth In 2012		
Summary :	Emery Oleochemicals expects a reasonable growth trend for the Oleochemicals industry in the medium term despite the current volatile global market conditions. Its group chief executive officer, Dr. Kongkrapan Intarajang, said the global annual growth rate in consumption of Oleochemicals was estimated at 4%-5%, boosted by the increasing consumer demand for "green" household and personal wellness products.		

Laman Mikro BERNAMA
Perbankan & Kewangan
Automotif
Penerbangan
Maritim
Pendidikan
Hartanah
Greater KL
Selasa 20 Disember 2011



Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
BERNAMA.COM

Dapatkan Indeks Bursa Malaysia di ruang berita EKONOMI di BERNAMA.COM

UTAMA
AM
POLITIK
EKONOMI
SUKAN
RENCANA
DUNIA

Laman Utama Ekonomi | Senarai Berita | Pasaran | RMK-10 | Bajet Malaysia 2012
A+ A- Reset | LB: Malay | English | 中文 | عربي

BERNAMA.COM
ekonomi > berita

CARIAN GO Berita Who's Who

17 Disember, 2011 17:32 PM Beli Berita Ini

Emery Oleochemicals Jangka Industri Catat Pertumbuhan Baik Pada 2012

KUALA LUMPUR, 17 Dis (Bernama) - Emery Oleochemicals, satu syarikat usahasama antara Sime Darby Plantation Sdn Bhd dan PTT Global Chemical PCL, dan merupakan peneraju dunia di dalam kimia asli, menyaksikan trend pertumbuhan yang agak baik pada tempoh jangka sederhana bagi industri oleokimia walau pun wujud keadaan pasaran global yang turun naik.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Dr. Kongkrapan Intarajang berkata kadar pertumbuhan tahunan global bagi penggunaan oleokimia dianggarkan sekitar 4.0 hingga 5.0 peratus, yang dirangsang oleh peningkatan permintaan oleh pengguna bagi mendapatkan produk kegunaan rumah dan kecergasan peribadi "hijau."

Kadar pertumbuhan tahunan penggunaan oleokimia melebihi keluaran dalam negara kasar (KDNK) di kebanyakan negara maju, sekaligus menempatkan Malaysia di hadapan di dalam industri itu pada masa ini, di mana kapasiti oleokimianya adalah yang terbesar di dunia, yang meliputi kira-kira 26 peratus daripada kapasiti keseluruhan global" katanya.

Emery Oleochemicals, melalui kilangnya di Malaysia, mempunyai kapasiti pengeluaran 300,000 tan metrik setahun dengan 70 peratus daripada pengeluarannya dieksport ke rantau Asia Pasifik, katanya pada sesi latihan Industri di sini.

Katanya syarikat itu dijangka muncul sebagai pengeluar aditif plastik asli yang bersepadu sepenuhnya di rantau Asia Pasifik dengan pembukaan kilang baharu di Telok Panglima Garang, Selangor, yang telah ditauliahkan dan produknya dijadualkan dipasarkan pada suku pertama 2012.

Kilang itu akan mengeluarkan oleokimia khusus, Loxiol, yang merupakan jenama aditif plastik utama sejak 50 tahun lepas dan digunakan sebagai pelincir pemrosesan polivinil klorida (PVC), katanya.

Kilang itu adalah salah satu daripada tiga projek yang telah dilaksanakan sempena Program Transformasi Ekonomi (ETP) Malaysia.

Emery Oleochemicals menasaskan menyumbangkan kira-kira RM155 juta kepada pendapatan negara kasar (GNI) negara ini, dengan mewujudkan 86 pekerjaan sangat mahir menjelang 2015, dengan peruntukan pelaburan RM416 juta sebagai sebahagian daripada pelan pertumbuhannya.

Pelaburan itu juga adalah sebahagian daripada RM600 juta yang dirancang oleh syarikat itu untuk dibelanjakan di dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Emery Oleochemicals, yang berpangkalan di Malaysia mempunyai kehadiran di tiga benua dengan mempunyai kilang di Malaysia, utara Amerika dan Jerman.

Produk syarikat itu termasuk asid lemak, alkohol lemak, gliserin, trisetin, asid ozon, aditif plastik dan kimia telaga minyak dan digunakan dalam pelbagai kegunaan isi rumah, penjagaan peribadi dan aplikasi perindustrian.

-- BERNAMA

*Kami menyediakan langganan berita melalui perkhidmatan **NewsWire**.*

[Kembali](#) [Ke Atas](#)

Berita-berita Lain

- ▣ Kontrak Hadapan KLIBOR Tidak Diniagakan Pada Tengah Hari
- ▣ OSK Retail Buat Saranan 'Beli' Ke Atas Tomei Dengan Harga Sasaran 95 Sen
- ▣ Pemegang Unit ASB Dapat Dividen 7.65 Sen Seunit
- ▣ Syarikat Malaysia Dijemput Terokai Perniagaan Kewangan Islam Dan Halal Kazakhtan
- ▣ Sarawak Tidak Hadapi Kekurangan Bersas

Iklan

Pelancongan TAHUN KOPERASI 2012 ANTARABANGSA

Koperasi Membina Kesejahteraan Sejahtera

26 Nov 2011

6.30 pagi - 1.00 petang
Taman Tasik Permaisuri Kuala Lumpur
Diresmikan Oleh:
YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob

Antara Acara Menarik :

Senamrobik Petanque Sukaneka Konsert IYC 2012

Produk & Perkhidmatan BERNAMA

WWW.BERNAMA.COM

Pembekal berita dan maklumat yang lengkap

OPEN UNIVERSITY MALAYSIA

Pembekal Media (2011) STP

TAP TANPA INTERNET

03-28 900 900

Utama | Am | Politik | Ekonomi | Sukan | Rencana | Dunia | Senarai Berita
Arkib Berita | Suapan RSS | Facebook BERNAMA | Twitter BERNAMA